

BAB 7 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
4.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia	4.1.1 Mengenal pasti kepelbagaian iklim di Asia Buku Teks m.s 106	Soalan 1 Soalan 2 TP1	68
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, peta Asia, rajah zon iklim	<i>Rotating Stations</i>	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global	–	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang zon iklim Benua Asia.
2. Guru menunjukkan rajah zon iklim Benua Asia kepada murid.
3. Guru berbincang dengan murid tentang kepelbagaian iklim di Asia mengikut zon iklim.
4. Murid menjawab soalan 1 dan soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 68.
5. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
6. Satu kumpulan kecil diletakkan di setiap stesen mengikut zon iklim.
7. Mereka diberi masa 10 minit untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan zon iklim stesen berkenaan.
8. Kemudian, kumpulan tersebut akan berjalan ke stesen seterusnya sehingga semua kumpulan telah melalui semua stesen.
9. Setiap kumpulan diberikan pen warna yang berbeza untuk mencatat jawapan mereka.
10. Guru menyemak jawapan setiap kumpulan.

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
4.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia	4.1.2 Menerangkan ciri iklim di zon iklim panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana Buku Teks m.s 107-108	Soalan 3 Soalan 4 TP2	69 - 70
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, peta Asia	<i>Gallery Tour</i>	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global	Peta pokok	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru meminta murid menyatakan jenis iklim mengikut zon iklim di Benua Asia.
2. Guru berbincang dengan murid tentang ciri iklim mengikut zon di Benua Asia.
3. Guru menunjukkan peta taburan iklim di Benua Asia dalam buku teks halaman 108.
4. Murid menjawab soalan 3 dan soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 69 dan 70.
5. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut zon iklim.
6. Setiap kumpulan perlu menghasilkan peta pemikiran tentang jenis dan ciri iklim di zon iklim masing-masing.
7. Hasil setiap kumpulan ditampal di atas meja untuk kumpulan lain melihat dan membacanya.
8. Kumpulan asal hendaklah meletakkan pensel dan kertas di atas meja supaya kumpulan yang datang melawat boleh memberikan komen atau pengukuhan berkaitan hasil kerja mereka.
9. Ahli kumpulan juga diarahkan oleh guru untuk berpecah sementara waktu untuk melihat hasil kumpulan lain pula.
10. Setelah kembali kepada kumpulan asal, ahli kumpulan perlu menceritakan pembelajaran yang diperolehi.
11. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan pada akhir pembelajaran.

Panduan RPH				Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)				
4.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia		4.1.3 Menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana		Soalan 5 Soalan 6 Soalan 7		TP3 TP4 TP5 71 - 72
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Asia, foto kawasan Tundra		Rotating Review		Menilai		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		–		Bekerjasama, kesyukuran		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang iklim di zon iklim sejuk. 2. Guru meminta murid menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon iklim sejuk di atas peta Asia. 3. Guru menerangkan ciri iklim Tundra dan pengaruhnya terhadap kegiatan manusia. 4. Murid menjawab soalan 5, soalan 6 dan soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 71 dan 72. 5. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan. 6. Dua kumpulan mencatatkan ciri iklim Tundra di atas kertas sebak dan paparkannya di tempat kumpulan masing-masing. 7. Dua kumpulan lagi mencatatkan pengaruh iklim Tundra terhadap kegiatan manusia di atas kertas sebak dan paparkannya di tempat kumpulan masing-masing. 8. Setiap kumpulan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan. 9. Setiap kumpulan membuat komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan menggunakan pen yang berbeza.						
Panduan RPH				Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)				
4.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia		4.1.3 Menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana		Soalan 8 Soalan 9 Soalan 10 Soalan 11		TP3 TP4 TP5 73 - 74
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Asia, foto empat musim di kawasan beriklim Laurentia, bola pingpong		Circle Time		Menilai		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta buih		Bertanggungjawab		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang iklim di zon iklim sejuk sederhana. 2. Guru meminta murid menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon iklim sejuk sederhana di atas peta Asia. 3. Guru menerangkan ciri iklim Laurentia dan pengaruhnya terhadap kegiatan manusia. 4. Murid menjawab soalan 8, soalan 9, soalan 10 dan soalan 11 dalam buku Power Up Geografi halaman 73 dan 74. 5. Murid duduk di dalam kumpulan secara bulatan. 6. Guru menyediakan bola pingpong. 7. Untuk pusingan pertama, sesiapa yang memegang bola diminta menamakan kawasan atau negara yang mengalami iklim Laurentia. 8. Kemudian, murid tersebut memberi bola tersebut kepada murid lain untuk memberi peluang kepada mereka memberikan jawapan. 9. Untuk pusingan kedua, murid diminta menjelaskan ciri-ciri iklim Laurentia. 10. Untuk pusingan ketiga, murid menjelaskan pengaruh iklim Laurentia terhadap kegiatan manusia.						

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
4.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia	4.1.3 Menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana Buku Teks m.s 114-115	Soalan 12 Soalan 13 Soalan 14 Soalan 15 Soalan 16 TP3 TP4 TP5 TP6	75 - 76
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, peta Asia	<i>Share N Turn</i>	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global	Peta buih	Bekerjasama, kesyukuran	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang iklim di zon iklim panas sederhana.
2. Guru meminta murid menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon iklim panas sederhana di atas peta Asia.
3. Guru menerangkan ciri iklim China dan pengaruhnya terhadap kegiatan manusia.
4. Murid menjawab soalan 12, soalan 13, soalan 14 dan soalan 15 dalam buku Power Up Geografi halaman 75 dan 76.
5. Murid dibahagikan kepada enam orang dalam satu kumpulan.
6. Setiap murid melukis peta buih dengan tajuk ciri iklim China.
7. Setiap murid menulis satu ciri iklim China di peta buih tersebut.
8. Kertas ditukarkan secara bergilir-gilir antara ahli kumpulan:
 - A ke B
 - B ke C
 - C ke D
 - D ke E
 - E ke F
 - F ke A
9. Setiap murid mendapat semula kertas masing-masing yang mengandungi enam ciri iklim China.
10. Murid menampal peta buih tersebut di dalam buku latihan.
11. Murid juga menjalankan aktiviti (soalan 16) dalam buku Power Up Geografi halaman 76.

Panduan RPH		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		
4.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia	4.1.3 Menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana Buku Teks m.s 116-117	Soalan 17 Soalan 18 Soalan 19 TP3 TP4 TP5 TP6	77 - 78
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, peta Asia, foto kawasan Gurun Panas	<i>Rotating Review</i>	Menilai	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global	—	Bekerjasama, kesyukuran	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang iklim di zon iklim panas.
2. Guru meminta murid menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon iklim panas di atas peta Asia.
3. Guru menerangkan ciri iklim Gurun Panas dan pengaruhnya terhadap kegiatan manusia.
4. Murid menjawab soalan 17 dalam buku Power Up Geografi halaman 77.
5. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
6. Dua kumpulan mencatatkan ciri iklim Gurun Panas di atas kertas sebak dan paparkannya di tempat kumpulan masing-masing.
7. Dua kumpulan lagi mencatatkan pengaruh iklim Gurun Panas terhadap kegiatan manusia di atas kertas sebak dan paparkannya di tempat kumpulan masing-masing.
8. Setiap kumpulan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan.
9. Setiap kumpulan membuat komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan menggunakan pen yang berbeza.
10. Guru meminta murid membandingkan kegiatan manusia antara dua buah negara Asia di dua zon iklim berlainan.
11. Murid menjawab soalan 18 dan menjalankan aktiviti (soalan 19) dalam buku Power Up Geografi halaman 78.